

## SYARIAH DALAM FOKUS: MENJELAJAHI CIRI-CIRI PERUNDANGAN, MAQASID, DAN SKOPNYA

### *SHARIAH IN FOCUS: EXPLORING THE CHARACTERISTICS OF LEGISLATION, MAQASID, AND ITS SCOPE*

Abu Sufian Ab Ghani <sup>1\*</sup>  
Zanirah Mustafa@Busu <sup>2</sup>  
Dr. Norzuraida Binti Hasan<sup>3</sup>  
Dr. Asiah Kamal <sup>4</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (E-mail: sufian792@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (E-mail: zanir126@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (E-mail: zuraidahasan@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia, (E-mail: asiahkamal@uitm.edu.my)

\* Corresponding author

#### Article history

Received date : 21-7-2024  
Revised date : 22-8-2024  
Accepted date : 28-8-2024  
Published date : 30-9-2024

#### To cite this document:

Ab Ghani, A. B., Mustafa@Busu, Z., Hasan, N., & Kamal, A. (2024). Syariah dalam fokus: Menjelajahi ciri-ciri perundangan, maqasid, dan skopnya. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 485 – 494.

**Abstrak:** *Konsep Syariah memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam. Namun, masih terdapat kekeliruan tentang ciri-ciri hukum Islam dan Syariah, serta tujuan dan skopnya. Isu utama yang dihadapi ialah kurangnya kefahaman mendalam tentang Maqasid Syariah dan bagaimana ia memandu perundangan dalam kehidupan seharian. Kajian ini bertujuan untuk: 1) menjelaskan ciri-ciri perundangan Islam dan Syariah, 2) mengkaji konsep Maqasid Syariah, dan 3) menjelaskan skop Syariah dalam konteks masyarakat moden. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif, menggunakan kajian literatur terhadap teks Syariah dan artikel akademik dalam bidang perundangan Islam. Kajian menunjukkan bahawa pemahaman yang jelas tentang ciri-ciri Syariah membantu individu dan masyarakat dalam mengamalkan ajaran Islam dengan lebih berkesan. Di samping itu, Maqasid Shariah menyediakan panduan moral dan etika yang relevan dalam menghadapi cabaran kehidupan kontemporari. Kesimpulannya, pemahaman konsep Syariah secara menyeluruh adalah kunci kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera dan harmoni, di mana syariat Islam dapat diamalkan dengan berkesan dalam kehidupan seharian.*

**Kata kunci:** *Konsep Syariah, Perundangan Islam, Ciri-ciri syariat, Maqasid syariah, Skop syariah*

**Abstract:** *The concept of Shariah plays a vital role in the lives of Muslims. However, there is still confusion about the characteristics of Islamic law and Shariah, as well as its purpose and scope. The main issue faced is the lack of a deep understanding of Maqasid Shariah and how it guides legislation in daily life. This study aims to: 1) explain the characteristics of Islamic jurisprudence and Shariah, 2) examine the concept of Maqasid Shariah, and 3) explain the scope of Shariah in the context of modern society. This study adopts a qualitative methodology, drawing on a literature review of Shariah texts and academic articles in the field of Islamic law. Studies show that a clear understanding of the characteristics of Shariah helps individuals and communities in practising Islamic teachings more effectively. In addition, Maqasid Shariah provides relevant moral and ethical guidance in facing the challenges of contemporary life. In conclusion, understanding the concept of Shariah as a whole is the key to the formation of a prosperous and harmonious society, where Islamic law can be practiced effectively in daily life.*

**Keywords:** *Shariah Concept, Shariah Characteristics, Maqasid Shariah, Shariah Scope*

---

## **Pengenalan**

Semua masyarakat manusia dalam dunia ini memerlukan kepada satu sistem peraturan hidup bagi memandu serta menjamin kemandirian hidup. Syariat Islam juga adalah hukum dan aturan Islam yang mengatur seluruh sendi kehidupan umat manusia, baik muslim mahupun bukan muslim. Selain mempunyai hukum dan aturan, syariat Islam juga penyelesaian masalah seluruh kehidupan ini. Konsep syariah memainkan peranan penting dalam kehidupan umat Islam, menjadi panduan dalam pelbagai aspek kehidupan, dari urusan peribadi hingga interaksi sosial. Syariah tidak hanya merujuk kepada perundangan, tetapi juga meliputi prinsip moral, etika, dan nilai-nilai yang mendasari ajaran Islam. Dengan memahami ciri-ciri perundangan dan syariat Islam, individu dapat mengetahui norma dan tatacara yang harus dipatuhi. Maqasid syariah, yang merujuk kepada tujuan dan objektif syariah, membantu mengarahkan praktik perundangan ke arah kebaikan dan kesejahteraan masyarakat. Dalam konteks dunia moden yang penuh dengan cabaran dan perubahan, pemahaman tentang skop syariah juga menjadi semakin relevan, memastikan bahawa ajaran Islam dapat diterapkan secara berkesan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menjelaskan aspek-aspek penting ini, agar umat Islam dapat menjalani kehidupan yang lebih seimbang dan harmoni.

### **Definisi sudut bahasa:**

Perkataan ‘syariah’ ini seperti yang sedia dimaklumi adalah berasal daripada bahasa Arab. Dan dari sudut literalnya ia membawa dua maksud yang agak berbeza, tetapi menurut pemahaman yang saling berkait iaitu:

1. Sumber air iaitu air yang mengalir di mana air ini digunakan oleh haiwan dan manusia sebagai keperluan asasi dalam kehidupan.
2. Pengertian kedua membawa maksud jalan yang jelas dan lurus

### **Definisi sudut istilah:**

Dari sudut istilah atau teknikalnya, perkataan syariah ini membawa beberapa maksud seperti berikut:

- Segala hukum atau peraturan yang telah ditetapkan atau diperundangkan oleh Allah melalui para Rasul untuk mengatur kehidupan manusia dalam segala urusan. Dan di namakan hukum-hukum ini sebagai syariah adalah kerana ia adalah satu jalan yang lurus tanpa ada penyelewengan daripada kebenaran.

- Perkara yang merangkumi hukum-hukum Allah terhadap seluruh perbuatan manusia dalam bentuk (halal, haram, makruh, sunat). Di sampaikan oleh Rasul bersumberkan al-Quran dan di jadikan panduan oleh manusia samaada perintah tersebut berkaitan dengan perbuatan amali atau iktiqadi.

Para ulama dan sarjana Islam juga ada mengemukakan beberapa makna bagi syariah dengan pengertian umum dan khusus seperti berikut:

1. **Khusus:** Syariah adalah segala hukum yang telah diperundangan oleh Allah untuk mengatur segenap aspek kehidupan manusia.
2. **Umum:** Syariah adalah “Din” atau “Millah” yang juga membawa maksud agama yang mana ia merujuk kepada mana-mana sistem hidup yang digubal oleh manusia atau diwahyukan daripada langit.

#### **Beberapa istilah lain yang berkaitan rapat dengan syariah:**

Dalam membincangkan tentang hukum Islam, kebiasaannya terdapat pelbagai penggunaan istilah. Di antaranya ialah fikh, hukum, undang-undang, nas dan masadir. Kepelbagaian penggunaan istilah ini bukan sahaja di kalangan orang biasa malah di kalangan “ahli” dalam sesuatu bidang.

1. **Fiqh/Fekah:** Istilah Fikh berasal dari perkataan arab. Dari sudut bahasa bermaksud ilmu, faham, kefahaman. Dari sudut istilah ialah kefahaman atau pengetahuan mengenai hukum syariah yang bersifat amali, yang difahami melalui dalil-dalilnya yang terperinci. Perbahasannya dalam Fiqh adalah tentang 4 bidang iaitu fiqh ibadat, fiqh muamalat, fiqh munakahat dan fiqh jenayah.
2. **Hukum:** Meskipun perkataan ‘hukum’ sama seperti perkataan syariah dan fikh iaitu berasal dari perkataan arab yakni ‘hukm’. Dalam bahasa arab, ‘hukm’ mengertikan ketentuan secara umum (Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid:1988). Dari sudut bahasa bermaksud ‘**Khitab**’ (mesej) daripada Allah. Manakala dari sudut istilah ialah mesej yang disampaikan oleh Allah melalui wahyu berkaitan dengan perbuatan orang ‘**mukallaf**’.<sup>1</sup>
3. **Undang-undang:** Dari sudut bahasa bermaksud peraturan. Dari sudut istilah ialah norma-norma (kebiasaan) dan peraturan yang diterima dan dikanunkan oleh badan-badan perundangan Islam melalui proses tertentu. Dari sudut Islam ia di lihat sebagai ketetapan syariat yang telah mengalami proses ijtihad secara teliti yang ditetapkan oleh badan perundangan negara Islam sebagai satu bentuk undang-undang yang mesti dikuatkuasakan. Apa yang di ertikan dengan norma-norma hukum ialah kaedah-laedah yang di pakai dalam menentukan sesuatu ketentuan itu. Maka yang di maksudkan dengan undang-undang Islam itu ialah ketentuan-ketentuan syariat yang telah melalui proses ijtihad dan telah diperundangan oleh badan perundangan di sesebuah negara Islam.
4. **Nas:** Dari sudut bahasa bermaksud dalil syariah. Dari sudut istilah, nas bermaksud dalil daripada ayat al-Quran dan hadis yang digunakan sebagai hujah dalam menentukan sesuatu hukum.
5. **Masadir:** Dari sudut bahasa bermaksud punca atau sumber. Manakala dari sudut istilah bermaksud punca dan sumber syariat Islam di mana dari situlah hukum-hukum

---

<sup>1</sup> Orang-orang **mukallaf** adalah orang yang ditaklifkan atau bertanggungjawab terhadap setiap perkara yang dilakukan. Di antara ciri-ciri orang yang ditaklifkan adalah seperti: kanak-kanak yang telah baligh, orang yang sihat akal fikirannya (tidak gila, tidak tidur, mabuk atau nyanyuk)

Islam di perolehi. Sumber-sumber tersebut dilihat menurut keutamaannya iaitu al-quran, hadis, ijmak ulama, qias dan sebagainya.

### **Ciri-ciri perundangan dan syariat Islam**

#### **1. Berorientasikan kepada wahyu.**

Ianya bersifat Rabbani (ketuhanan) kerana bersumberkan kepada wahyu Allah sebagai panduan utama manusia, di mana syariat Islam ini terpelihara daripada kelemahan, kesilapan dan kekurangan yang sinonim dengan sifat manusia.

Wahyu terbahagi kepada 2 pendekatan iaitu:

- Wahyu dalam bentuk lafaz dan makna iaitu al-Quran.
- Wahyu dalam bentuk makna sahaja iaitu as-Sunnah.

Atas faktor inilah Syariat Islam di lihat sebagai suatu yang istimewa berbanding undang-undang ciptaan manusia kerana setiap yang lahir daripada ciptaan manusia tidak akan lari daripada berlakunya kesilapan.

Selain daripada itu, syariat Islam ini juga bersifat adil kerana ianya datang daripada Allah, dan pelaksanaannya tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi, berbeza jika ia di ciptakan oleh manusia di mana manusia mempunyai kecenderungan serta kepentingan yang tertentu.

Syariat Islam juga mempunya roh keagamaan yang bersifat *Muqaddas* yang boleh melahirkan rasa taqwa, patuh dan hormat kepadanya bertitik tolak daripada sifat Rabbani yang dimiliki. Berbeza dengan undang-undang ciptaan manusia di mana kepatuhan kepadanya hanya disebabkan rasa bimbang kepada denda dan hukuman yang akan dikenakan, dan jika tanpa pengawasan pihak berwajib, kesalahan yang sama akan diulang kembali.

#### **2. Balasan duniawi dan ukhrawi.**

Balasan dan hukuman yang dijanjikan adalah suatu yang pasti dan ia bukan hanya merangkumi ganjaran duniawi, bahkan ia juga meliputi ganjaran yang bersifat ukhrawi. Pembalasan dan ganjaran dalam Syariat Islam juga bukan hanya untuk kesalahan zahiriyyah bahkan juga perbuatan hati manusia.

Hukuman di dunia bagi menjamin kemaslahatan kehidupan manusia manakala ganjaran di akhirat adalah bertujuan untuk menunaikan hak-hak Allah. Segala perbuatan manusia tidak akan terlepas daripada dihisab atau dikenakan hukuman.

#### **3. Universal dan sejagat.**

Syariat Islam bersifat sejagat iaitu meliputi semua tempat, keadaan, masa dan umat, di mana tiada batasan geografi untuk melaksanakan syariat Islam, bersesuaian dengan pengutusan Rasulullah untuk sekalian manusia membawa syariat yang datang daripada Allah.

Atas sifat universal inilah maka syariah dapat menjamin kemaslahatan kehidupan manusia serta segala keperluan mereka sepanjang zaman dan tidak hanya sesuai di laksanakan pada zaman Rasulullah atau para Sahabat baginda sahaja.

Syariah Islam juga memberi kelonggaran atau rukhsah dalam pelaksanaan hukumnya apabila ada kesukaran atau Dharurat untuk melaksanakan sesuatu yang telah ditetapkan, dan ini menggambarkan sifatnya yang sejagat bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan.

#### **4. Syumul dan lengkap.**

Maksud syumul adalah merangkumi segenap aspek kehidupan manusia serta memenuhi segala keperluan mereka, selain ia juga mengatur hubungan manusia dengan Allah, sesama manusia dan juga dengan alam sekitar

Manakala undang-undang ciptaan manusia hanya merangkumi aspek hubungan sesama manusia semata-mata dan ianya tiada nilai akidah, syariah dan akhlak Islam yang mampu untuk menjamin keberkesanan pelaksanaannya.

#### **5. Sepadu dan seimbang.**

Seluruh sistem syariat Islam ditegakkan secara bersepadu, iaitu setiap daripadanya saling berkaitan antara satu sama lain

Kesepaduan dan keseimbangan sistem atau Syariat Islam ini bukan hanya meliputi aspek hukum-hakam, bahkan juga dalam segala ciptaan Allah termasuklah penciptaan langit dan bumi, serta peredaran bulan, bintang dan matahari pada paksinya.

Selain daripada itu, aspek kesepaduan ini juga dilihat dari sudut berikut:

1. Peraturan atau hukum dalam beberapa bidang kehidupan manusia.
2. Penciptaan Allah terhadap alam yang seimbang peranannya.
3. Keseimbangan aspek rohani-jasmani, dunia-akhirat.
4. Kepentingan individu-masyarakat.
5. Sepadu antara undang-undang (al-Quran, as-Sunnah) – pemikiran (ijtihad).

#### **Maqasid Syariah**

Sesuai dengan sifatnya yang lurus dan benar, syariah Islam di datangkan oleh Allah untuk menjamin kesejahteraan dan kemaslahatan semua manusia. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk menghindari kemudaratan dan juga keburukan dalam kehidupan manusia. Justeru, al-Imam Asy-syatibi menyatakan maqasid syariah ini mempunyai peringkat-peringkat yang berbeza. Antaranya *dharuriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*.

*Dharuriyyah* ialah matlamat asas yang diperlukan dalam kehidupan bagi mencapai matlamat hidup. Di bawah kategori ini terdapat lima perkara yang menjadi teras kehidupan manusia iaitu:

##### **1. Memelihara kesucian agama Islam.**

Ini merupakan perkara yang utama dan yang paling penting yang ditegaskan dalam hierarki maqasid syariah. Islam adalah agama yang benar, suci dan sempurna maka Islam telah membebaskan minda dan kepercayaan manusia daripada belenggu kegelapan seperti kepercayaan tahyul, khurafat dan sebagainya. Maka sebab itulah Allah telah mensyariatkan tugas dakwah dan jihad kepada umat Islam bagi tujuan memelihara kesucian agama Islam sebagai agama yang benar dan jauh daripada perkara yang menyeleweng dan bertentangan dengan fungsi akal.

Sebagai seorang Islam kita bertanggungjawab untuk memelihara kesucian Islam daripada segala fitnah yang dilemparkan oleh golongan kuffar. Contoh yang paling ketara sekarang ialah

perlabelan Islam sebagai agama keganasan sehingga menimbulkan “*Islamphobia*”<sup>2</sup> di kalangan masyarakat dunia khususnya dunia barat. Selain daripada itu terdapat pelbagai lagi fitnah yang di tujukan kepada orang Islam dan ia sedikit sebanyak mencemar nama baik Islam termasuklah kepada umat Islam sendiri yang turut terpengaruh dengan tohmahan yang di lemparkan terhadap Islam. Di sinilah umat Islam perlu memainkan peranan sebagai melaksanakan maqasid syariah yang pertama, iaitu memelihara kesucian dan nama baik Islam dari fitnah dan salah faham masyarakat.

Selain daripada itu Allah juga telah menetapkan undang-undang yang tertentu khusus untuk menjaga agama, dan ini dapat dilihat melalui hukum takzir bagi kesalahan murtad. Perbuatan murtad di lihat sebagai satu perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian dan kebenaran Islam dan pesalahnya perlu menghadapi hukuman supaya ia boleh di jadikan pengiktibaran kepada umat Islam bahawa Islam adalah agama yang suci dan terpelihara dari segala kelemahan.

Konsep jihad juga adalah satu bentuk pemeliharaan bagi agama Islam, di mana umat Islam wajib mempertahankan agama walaupun terpaksa menggadai nyawa di medan peperangan. Namun konsep jihad ini bukan hanya menjurus kepada peperangan, ia sepatutnya dilihat dengan lebih meluas dari pelbagai sudut di antaranya seperti jihad melawan hawa nafsu, supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh merosakkan nama baik agama, jihad menuntut ilmu supaya dapat mempertahankan agama Islam dengan ilmu yang dimiliki serta menjadikan Islam di hormati di seluruh dunia dan sebagainya.

## **2. Menjamin keselamatan nyawa dan anggota tubuh badan manusia.**

Syariah Islam juga datang untuk menjamin keselamatan nyawa dan anggota tubuh badan manusia. Justeru itu Allah telah memerintahkan supaya manusia menjaga keselamatan diri dan melarang keras perbuatan yang boleh mengancam keselamatan nyawa dan anggota diri sendiri atau orang lain.

Bagi menjamin keselamatan diri setiap insan, Islam telah memperkenalkan hukuman qisas dan diat, iaitu suatu hukuman yang telah di tetapkan oleh Allah yang wajib di laksanakan bagi menunaikan hak manusia. Nyawa manusia adalah hak milik Allah sepenuhnya, sebab itulah kita dilarang untuk mencederakan atau membunuh diri sendiri mahupun orang lain. Maqasid yang kedua ini sebagai salah satu manifestasi pemeliharaan nyawa dan anggota tubuh badan manusia yang menjadi milik Allah.

## **3. Menjamin kemurnian dan kewarasan akal.**

Allah telah menciptakan manusia sebagai makhluk istimewa berbanding daripada makhluk lain dengan pengurniaan akal. Melalui keistimewaan tersebutlah manusia juga telah dilantik sebagai khalifah Allah untuk memakmurkan bumi sesuai dengan ketentuan dan perintah Allah.

Melalui akal ini juga, manusia mampu untuk mengeksploitasi segala anugerah alam untuk kesejahteraan manusia. Justeru itu, untuk membangunkan alam dengan menggunakan sumber-sumbernya, manusia perlu memiliki ilmu pengetahuan dan selaras dengan itu Allah juga menyeru manusia supaya menuntut ilmu bagi melaksanakan fungsi akal dan syariah Islam

---

<sup>2</sup> Perasaan Fobia masyarakat terhadap agama Islam dan ini tercetus selepas berlakunya peristiwa 11 September, di mana masyarakat dunia di dedahkan dengan maklumat yang tidak benar iaitu Islam adalah agama yang berkembang dengan keganasan dan mereka perlu berhati-hati apabila berada di kalangan orang Islam khususnya orang Arab.

menuntut manusia mencari ilmu dan mengharamkan perkara-perkara yang akan menjejaskan fungsi akal manusia.

Syariah Islam dalam usahanya menjamin kewarasan aqal dan kekuatan berfikir, telah mengharamkan sebarang bentuk perlakuan yang boleh menjejaskan fungsi akal. Lantaran itu Allah telah menyatakan pengharaman terhadap arak serta segala sesuatu yang memabuk dan mengkhayalkan seperti dadah (yang telah disalahgunakan oleh masyarakat kini). Segala usaha pengharaman terhadap perkara yang memabukkan ini mempunyai implikasi yang sangat penting buat manusia bagi memastikan setiap individu muslim mampu untuk melaksanakan fungsi khalifah di muka bumi, dengan kewarasan aqal fikiran yang telah dikurniakan oleh Allah, seterusnya membuka jalan untuk manusia menuntut ilmu dan mengaplikasikannya dalam kehidupan.

#### **4. Menjamin kehormatan dan maruah diri serta keturunan manusia yang tinggi dan mulia.**

Kehormatan dan maruah diri adalah salah satu daripada aspek penting bagi kehidupan setiap insan. Dan jika diteliti, seluruh perintah dan larangan Allah, akan di dapati bahawa ianya bertujuan untuk membentuk keperibadian yang luhur dan terhormat. Ini juga digambarkan melalui matlamat pengutusan Rasulullah s.a.w sebagai rasul, iaitu untuk memimpin umat manusia kepada akhlak yang mulia. Segala kewajipan syariat seperti solat, puasa dan zakat adalah juga bertujuan untuk mendidik manusia dengan keperibadian dan akhlak yang mulia.

Bagi memastikan maruah dan kehormatan insan terjaga, syariat Islam juga mengharamkan fitnah atau tuduhan palsu, mengumpat, bercakap bohong, mencuri serta mengharamkan zina. Perkara-perkara ini jika dilakukan boleh menyebabkan rendahnya harga diri dan kehormatan serta menggambarkan akhlak yang buruk seseorang individu. Dan di antara hikmah Islam melarang perbuatan zina adalah kerana bagi memastikan kehormatan insan terpelihara dengan nasab keturunan yang jelas.

#### **5. Menjamin usaha pemilikan dan penguasaan harta benda.**

Adalah tidak dapat di nafikan bahawa harta adalah wasilah penting bagi manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup dunia dan kesempurnaan hidup di akhirat. Agama Islam tidak pernah sekali-kali menghalang umatnya untuk mencari harta kekayaan yang di anugerahkanNya di muka bumi ini. Justeru syariah Islam telah menggariskan beberapa panduan yang lengkap dalam soal harta ini seperti mana yang dibincangkan dalam bidang fiqh Muamalah. Bidang fiqh Muamalah ini telah menetapkan beberapa prosedur tertentu bermula dari usaha mencari harta, menguasai dan juga dalam membelanjakannya.

Dalam urusan pemilikan harta dan jual beli, Allah juga telah menjelaskan tentang cara dan pendekatan yang diharuskan bagi memastikan urusan tersebut berjalan dengan baik dan seimbang. Syariat Islam mengharuskan jual beli dan mengharamkan riba yang banyak membawa keburukan kepada manusia, selain daripada itu diharamkan juga penggunaan harta untuk perjudian, rasuah dan penipuan dalam timbangan.

Kategori *hajiyyah* pula adalah perkara yang diperlukan bagi menghilangkan kesempitan yang pada kebiasaannya kesempitan itu mendatangkan kesusahan. Sebagai contoh, di dalam konteks ibadat, dibenarkan rukhsah solat bagi orang yang musafir.

Manakala *tahsiniyyah* pula ialah mengambil perkara-perkara yang di anggap terpuji dan keperluannya diperlukan untuk menambah baikkan kehidupan seseorang. Di antara contoh *tahsiniyyah* ialah di dalam ibadat misalnya melakukan solat-solat sunat, puasa-puasa sunat dan seumpamanya.

### Skop Syariah

Secara umumnya skop kandungan Syariah Islam di bahagikan kepada tiga yang meliputi hubungan antara manusia dengan Allah, manusia sesama manusia dan juga antara manusia dengan alam sekitar. Hubungan ini penting bagi memastikan kehidupan manusia dapat berlangsung dalam keadaan yang baik dan mampu memberi manfaat kepada seluruh alam.

#### 1. Hubungan antara manusia dengan Allah. (Ibadah – meliputi soal akidah, syariah dan akhlak)

- Melalui **aqidah**: melalui penghayatan kepada konsep akidah, tauhid dan iman, manusia dapat membina sebuah kehidupan yang berteraskan nilai-nilai Rabbani yang mampu untuk membawa kesejahteraan dalam kehidupan. Akidah Islam juga mampu untuk membawa umat Islam mengenali Allah dengan lebih baik melalui konsep tauhid Uluhiyyah, Rububiyyah dan asma' wa sifat, seterusnya dapat menghayati dengan lebih baik tugas seorang khalifah Allah di muka bumi.
- Melalui **syariat**: Syariat Islam telah menetapkan bahawa setiap hamba Allah yang mengaku keimanannya kepada Allah hendaklah patuh kepada segala syariat yang telah ditetapkan yang dibawa oleh Nabinya. Syariat Islam merangkumi aspek muamalat dan juga ibadat yang akan mengatur bagaimana manusia akan menjalani tanggungjawab sebagai khalifah disamping tidak mengabaikan penghayatan terhadap nilai-nilai ketuhanan.
- Melalui **akhlak**: kemurnian akhlak memperlihatkan watak seorang muslim yang taat kepada tuhaninya dengan menanam sifat terpuji dalam diri sesuai dengan tanggungjawab manusia yang dilantik menjadi khalifah yang akan memakmurkan bumi. Ini dapat dicontohi melalui teladan dan akhlak yang diperlihatkan oleh Rasulullah dalam menjaga hubungannya dengan Allah, dengan menekankan soal akidah, syariah seterusnya menghasilkan akhlak dan peribadi yang mulia.

#### 2. Hubungan manusia dengan manusia. (Mu'amalah – meliputi soal politik, ekonomi, dan sosial)

- Manusia sebagai makhluk yang hidup bermasyarakat memerlukan suatu garis panduan bagi menjamin hubungan antara manusia sesama manusia dapat berjalan dengan baik sekaligus membentuk sebuah kehidupan yang sejahtera.
- Melalui **Politik**: setiap pemimpin perlu menjalankan pemerintahan dengan adil berpandukan kepada syariat Islam yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah dan para sahabat dalam membangunkan kehidupan khususnya dari aspek politik dan pemerintahan. Pemimpin juga perlu bersikap amanah dan menjauhi kezaliman dan penganiayaan bagi mewujudkan sebuah kehidupan bermasyarakat yang aman dan harmoni serta membentuk rakyat yang taat kepada pemimpin. Dalam sesebuah pemerintahan juga perlu di amalkan konsep amal ma'ruf nahi mungkar bagi memastikan kehidupan masyarakat tidak akan terkeluar daripada batasan keagamaan.
- Melalui **Ekonomi**: dalam menjalankan aktiviti muamalat, setiap individu muslim mesti menitik beratkan soal etika bagi memastikan hubungan sesama manusia dapat berlangsung dengan baik tanpa menindas individu yang lain. Ini dapat dilakukan dengan menjauhi konsep muamalat yang bertentangan dengan Islam seperti riba', rasuah dan



pengurangan dalam timbangan ketika berlaku proses urusniaga. Perkara-perkara ini akan mengakibatkan hubungan sesama manusia boleh terjejas dan akan adanya segelintir individu yang akan tertindas apabila adanya urusan jualbeli dan muamalat yang tidak adil seperti ini.

- **Melalui Sosial:** aktiviti sosial dan pergaulan sesama manusia juga sangat penting bagi memastikan hubungan sesama manusia ini akan terjalin dengan baik, dan ia termasuklah dalam soal pergaulan. Hubungan sosial yang terjalin juga tidak membataskan kaum, agama, bangsa dan keturunan di mana setiap manusia sememangnya mempunyai hak untuk di hormati dan di kasihi. Justeru untuk memastikan hubungan sosial dapat berjalan dalam keadaan yang baik, maka hendaklah setiap individu menjaga akhlak dan batasan tertentu dalam pergaulan dengan menitik beratkan sensitiviti setiap individu lain, selain mengamalkan cara hidup yang saling hormat menghormati, berkasih sayang dan tolong menolong sesama manusia.

### 3. Hubungan manusia dengan makhluk lain. (alam sekitar, haiwan, tumbuhan dan makhluk ghaib)

- Dalam melaksanakan syariat Allah, ia turut meliputi hubungan manusia dengan makhluk lain sama ada makhluk yang boleh dilihat (tumbuh-tumbuhan, haiwan dan alam sekitar) mahupun yang ghaib (jin, dan malaikat) atau makhluk di alam ini. Justeru Syariah telah menetapkan pembangunan yang dilakukan oleh manusia mestilah menjamin kebaikan untuk seluruh makhluk Allah tersebut
- Dalam melakukan pembangunan terhadap alam, manusia mestilah tidak mengabaikan kepentingan makhluk lain seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, bukit bukau mahupun sumber air iaitu sungai. Apabila berlakunya pengabaian terhadap hubungan manusia dengan makhluk lain, maka akan tertimpalah musibah terhadap kehidupan manusia seperti yang sering digembar gemburkan iaitu global warming yang membawa kesan yang besar pada kehidupan manusia. Hubungan ini jika tidak terus dijaga, maka musibah yang lebih besar akan berlaku kepada kehidupan manusia, justeru itulah Islam telah menggariskan pelbagai panduan penting bagi manusia supaya dapat menjaga hubungan dengan alam dengan lebih baik lagi.
- Selain daripada itu hubungan dengan makhluk yang ghaib juga perlu dijaga supaya kehidupan manusia berada dalam keadaan yang lebih baik dan tidak diganggu (khususnya jin). Selain daripada itu manusia juga perlu menjaga hubungan yang baik dengan makhluk di alam ghaib ini sebagai tanda keimanan dan kepercayaan kepada Allah yang berkuasa dan mampu menciptakan apa yang dikehendaknya.

### Kesimpulan

Pemahaman yang mendalam tentang konsep syariah, termasuk ciri-ciri perundangan, maqasid, dan skopnya, adalah penting bagi umat Islam dalam menghadapi cabaran kehidupan moden. Ciri-ciri syariah menyediakan panduan yang jelas mengenai norma dan etika yang harus diikuti, manakala maqasid syariah berfungsi sebagai tujuan yang mendasari perundangan, memastikan bahawa setiap tindakan selaras dengan nilai-nilai kemanusiaan dan kesejahteraan masyarakat. Dengan memahami skop syariah, individu dapat mengintegrasikan ajaran Islam ke dalam kehidupan seharian mereka dengan lebih baik, membentuk masyarakat yang harmoni dan beretika. Oleh itu, penguasaan konsep ini bukan sahaja memperkukuh identiti Islam, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosial yang positif dalam konteks kontemporari.

## Bibliografi

Al-Quranul karim

Abdul Karim Zaidan (1999) .al-Madkhal li dirasah al-Syariah al-Islamiyah.Muassah al-Risalah:Beirut.

Abdul Wahab Khallaf (1986). Ilmu Usul al-Fiqh.. Dar al-Qalam:Kuwait.Al-Qardhawi (1397H). Syariatul Islam Khuluduha wa Solahuha li Tadbiqu fi kulli zaman wal makan.Maktabah al-Islamiy: Beirut.

Faesal Abdul Rauf. A Sacred Law.2002. Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia:Kuala Lumpur  
Harlina Mohamed On, Ruzian Markom, Rozanah Ab.Rahman, Prinsip Undang-Undang Perniagaan Di Malaysia

Kamal Halili Hassan (1990). Penulis dan Undang-undang.Dewan Bahasa dan Pustaka:Kuala Lumpur.

Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (1998) .Sejarah Pembinaan Hukum. Universiti Malaya: Kuala Lumpur

Mohd. Salleh Haji Ahmad (2011). Pengantar Syari'at Islam. Pustaka Haji Abdul Majid: Selangor

Mahmoo Zuhdi Hj Ab Majid, Paizah Hj Ismail (2010). Pengantar Pengajian Syariah. Percetakan Salam Sdn. Bhd: Kuala Lumpur

Mohd Liki Hamid (2002) Pengajian Tamadun Islam,. Pts Publications & Distributors Sdn.Bhd.: Universiti Utara Malaysia

Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid (1988). *Sejarah Pembinaan Hukum*.,. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Mohd Liki Hamid (2002) *Pengajian Tamadun Islam*.,. Pts Publications & Distributors Sdn.Bhd.: Universiti Utara Malaysia

Mohd Nasir Ayub, Wan Asma' Wan Abu Bakar (2010). *Islam Dalam Realiti Kehidupan*. Percetakan Dikwang: Universiti Teknologi Mara.

Mohd. Salleh Haji Ahmad (2011). *Pengantar Syari'at Islam*. Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd: Selangor

Manna' al-Qattan. (1421H/2001). Tarikh al-Tasyri' al-Islami. Kaherah: Maktabah Wahbah

Mohd. Salleh Haji Ahmad.(1999). Pengantar Syariat Islam.Pustaka Haji Abdul Majid: Kuala Lumpur

Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid,(1988) Sejarah pembinaan Hukum Islam.Universiti Malaya:Kuala Lumpur

Mohd Liki Hamid,( 2003). Pengajian Tamadun Islam.. Universiti Utara Malaysia: Malaysia

Mohd Nasir Ayub, Wan Asma' Wan Abu Bakar, Islam Dalam Realiti Kehidupan, (2010). Universiti Teknologi Mara: percetakan Dikwang.

Ruzian Markom (2003) .Apa itu Undang-undang Islam.Pts Publications & Distributor sdn.bhd: Kuala Lumpur..